

DASAR
(1)

1983

LONDON, 3 MAC (BERNAMA) -- DASAR MALAYSIA MEMBELI BARANG-BARANG BRITISH SEBAGAI LANGKAH TERAKHIR TELAH MERUGIKAN BRITAIN TIDAK KURANG DARIPADA £20 JUTA (M\$68.6 JUTA) DAN MUNGKIN MENINGKAT KE £30 JUTA (M\$171.5 JUTA), DEMIKIAN MENURUT PENERUSI JAWATANKUASA PILIHAN HAL EHWAL LUAR DI DEWAN RAKYAT, SIR ANTHONY KERSHAW.

'PARA PERUNDING BRITISH TELAH MENGALAMI PENDERITAAN TERUK. SAYA TIDAK BERCAKAP TERUS TERANG SEKIRANYA SAYA TIDAK MEMBERITAHU BAHAWA HAL INI MEMBANGKITKAN KEMARAHAAN DI UNITED KINGDOM DAN AKAN MENGAMBIL MASA BAGI GAMBARAN INI MENGHILANG,' KATANYA.

BELIAU BERUCAP DALAM SATU FORUM MENGENAI HUBUNGAN BRITISH-MALAYSIA ANJURAN KELAB UMNO LONDON DI MALAYSIA HALL SEMALAM.

BAGAIMANAPUN, SIR ANTHONY MENARIK PERHATIAN BAHAWA TERDAPAT TANDA-TANDA BAHAWA KEADAAN AKAN PULIH SEMULA.

ANTARA PERKARA YANG DISEBUTNYA IALAH PERSETUJUAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TENTANG PENUBUHAN PERSATUAN PERDAGANGAN BRITISH MALAYSIA DI KUALA LUMPUR DAN DI LONDON DAN CADANGAN KERAJAAN BRITISH BARU-BARU INI UNTUK MENGHULURKAN £5 JUTA (M\$17.15 JUTA) SEBAGAI SUBSIDI UNTUK PARA PENUNTUT MALAYSIA DI UNITED KINGDOM. -- LAGI 2217/JMY

ZCZC B679
DASAR 2 LONDON

MENGENAI SUBSIDI ITU, BELIAU BERKATA 'INI BUKANLAH SATU JUMLAH YANG BESAR MENGIKUT KEADAAN SEKARANG TETAPI IA MEMBAYANGKAN KESEDARAN KERAJAAN BRITISH UNTUK MEMBETULKAN SATU KESILAPAN DAN IA MENUNJUK ARAH YANG BETUL'

MENGENANG KEMBALI KEPADA PERISTIWA-PERISTIWA YANG MENJEJASKAN HUBUNGAN BRITISH DAN MALAYSIA, SIR ANTHONY BERKATA ADALAH TIDAK ADIL MELETAKKAN KESALAHAN KEPADA MANA-MANA PIHAK.

'SAYA FIKIR TERDAPAT KEJADIAN LIPUTAN MENGENAI MALAYSIA DALAM AKHBAR BRITISH YANG TIDAK MEMBINA ATAU TEPAT YANG MUNGKIN TELAH MEMBERI GAMBARAN YANG TIDAK BAIK,' KATANYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA ADA SATU ATAU DUA PERKARA YANG TIDAK SEPATUTNYA DIPERSALAHKAN KEPADA UNITED KINGDOM.

KATANYA, 'ADALAH TIDAK BENAR BAHAWA UNDANG-UNDANG PASARAN SAHAM KITA TELAH DIPINDA UNTUK MENYUSAHKAN MALAYSIA. UNDANG-UNDANG INI DIKENAKAN KEPADA SEMUA DAN BERTUJUAN MENJADIKAN PERNIAGAAN LEBIH ADIL DAN MUDAH'.

ADALAH TIDAK BENAR JUGA BAHAWA UNITED KINGDOM MENYOKONG HALANGAN-HALANGAN IMPORT YANG DIKENAKAN OLEH KESATUAN EKONOMI EROPAH (EEC) TAMBAHNYA. -- LAGI 2224/JMY

DASAR 3 LONDON

BELIAU BERKATA DARIPADA JUMLAH £187 JUTA (M\$641.4 JUTA) IMPORT MALAYSIA KE UNITED KINGDOM DALAM TAHUN 1980, 40 PERATUS MENDAPAT LAYANAN KEISTIMEWAAN DIBAWAH UNDANG-UNDANG EEC.

UNITED KINGDOM TIDAK MENGHALANG DENGAN SEBARANG CARA PUN DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN MALAYSIA, KATANYA.

"KITA TIDAK BERHAK BERBUAT DEMIKIAN. PENINGKATAN PENYERTAAN BUMIPUTERA ADALAH PERKARA SEMATA-MATA UNTUK MALAYSIA YANG KITA TIDAK BERCADANG MENCAMPURTANGANI," TAMBAHNYA.

BAGAIMANAPUN, SESEORANG BOLEH MELIHAT BAHAWA PENINGKATAN PENYERTAAN BUMIPUTERA SETAKAT INI IALAH MENERUSI SYARIKAT-SYARIKAT AMANAH DAN BUKAN KEPADA PERSEORANGAN DAN DISAMPING ITU SYARIKAT-SYARIKAT HAKMILIK CINA TELAH BERKURANGAN.

SEORANG PENSYARAH LAIN, DR. MICHAEL LEIFER, PENSYARAH DI SEKOLAH EKONOMI LONDON, BERKATA SALAH SATU DARIPADA ISU YANG MEMPERCEPATKAN KEADAAN YANG MEMBURUKKAN HUBUNGAN BRITISH DAN MALAYSIA IALAH "PENINGKATAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KE PENTADBIRAN TINGGI." -- LAGI 2240/JMY

DASAR 4 LONDON

MENURUT DR. LEIFER, DALAM KONTEKS LATAR BELAKANG, PANDANGAN DAN KEPERIBADIANNYA, DR. MAHATHIR MERUPAKAN SATU PERUBAHAN DARI SEGI KUALITI.

"BELIAU ADALAH SEORANG YANG PERHUBUNGANNYA DENGAN NEGARA INI ADALAH TIDAK SERUPA DENGAN PARA PEMIMPIN SEBELUMNYA DAN PENGALAMANNYA ADALAH BERBEDA DAN INI TELAH MEMBERINYA PERSPEKTIF YANG BERLAINAN." KATANYA.

DR. LEIFER BERKATA PERSPEKTIF DR. MAHATHIR MELIPUTI PENDAPAT SATU GENERASI BARU YANG TELAH BERUMUR KETIKA NEGARA MALAYSIA MENJADI MERDEKA DAN SEDAR SEPENUHNYA TENTANG KEPENTINGAN UNTUK MENJAMIN BAHAWA KEMERDEKAAN ITU DIHORMATI DI LUAR MALAYSIA.

KATANYA, "REAKSI MALAYSIA KEPADA BRITAIN ADALAH AKIBAT PERASAAN SENSITIF MALAYSIA KHUSUSNYA GOLONGAN MELAYU KEPADA WARISAN PENJAJAHAN."

DAN PERASAAN SENSITIF INI DIPERKUATKAN LAGI OLEH SATU ELEMEN TIDAK SENSITIF DIPIHAK BRITISH. DENGAN ADANYA PENYATUAN KEDUA-DUA ELEMEN INI, HUBUNGAN DIANTARA UNITED KINGDOM DAN MALAYSIA TELAH MEROSOT.

KETUA-DUA SIR ANTHOR KERSHAW DAN DR. LEIFER MENGALUKAN LAWATAN PERSENIDIRIAN DR. MAHATHIR KE LONDON MINGGU DEPAN SEBAGAI SATU PERTANDA BAHAWA HUBUNGAN ANTARA UNITED KINGDOM DAN MALAYSIA BERTAMBAH BAIK. -- BERNAMA 2247/JMY